



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 15 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	GOVT IMPLEMENTS WEJANA TO ASSIST WOMEN GENERATE INCOME	
	https://www.malaysiakini.com/news/679166	MALYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JKM CARI WARIS GELANDANGAN YANG DISELAMATKAN SEJAK 30 TAHUN LALU	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1152588/jkm-cari-waris-gelandangan-yang-diselamatkan-sejak-30-tahun-lalu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/14/jkm-cari-waris-gelandangan-diselamatkan-30-tahun-lalu/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JKM KESAN IBU KANDUNG, WARIS BAYI LELAKI DITEMUKAN DI SEKOLAH TAHFIZ	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/jkm-kesan-ibu-kandung-waris-bayi-lelaki-ditemukan-di-sekolah-tahfiz/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/278997/berita/semasa/jkm-cari-waris-bayi-dibuang-dekat-pusat-tahfiz	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	'KANAK-KANAK ENAM TAHUN MANGSA DERA MASIH DIRAWAT, DIPANTAU' - JKM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/278948/berita/semasa/kanak-kanak-enam-tahun-mangsa-dera-masih-dirawat-dipantau---jkm	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-enam-tahun-mangsa-dera-masih-dirawat-dipantau-jkm-437331	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	358 TADIKA, TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DI P.PINANG TIDAK BERDAFTAR	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/358-tadika-taska-dan-pusat-jagaan-kanakkanak-di-ppinang-tidak-berdaftar-437423	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/279026/edisi/utara/358-pusat-asuhan-taska-tadika-operasi-secara-haram-di-pulau-pinang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/14/masih-ada-taska-pusat-jagaan-di-p-pinang-tidak-berdaftar/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	MURNI HATIMU KAK HABIBAH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1009730/murni-hatimu-kak-habibah	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	'SAYA RAYU ORANG RAMAI BANTU IBU SAYA'	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/14/saya-rayu-orang-ramai-bantu-ibu-saya/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SINAR HARIAN TERUS BANTU PDRM PERANGI JENAYAH, KEGANASAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/278903/berita/nasional/sinar-harian-terus-bantu-pdrm-perangi-jenayah-keganasan	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	IBU RAYU BANTUAN KAKI PALSU UNTUK ANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/278906/edisi/selangor-kl/ibu-rayu-bantuan-kaki-palsu-untuk-anak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	KERAJAAN AKAN KAJI SEMULA PENDEKATAN BANTERAS MASALAH DADAH - AZALINA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1152727/kerajaan-akan-kaji-semula-pendekatan-banteras-masalah-dadah-azalina	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bheuu-agensi-berkaitan-akan-kaji-undangundang-hukuman-kesalahan-dadah-azalina-437405	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/09/14/kerajaan-kaji-semula-pendekatan-tangani-penyalahgunaan-dadah-azalina/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/14/bheuu-agensi-berkaitan-akan-kaji-undang-undang-hukuman-kesalahan-dadah	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://harapandaily.com/kerajaan-kaji-semula-pendekatan-tangani-masalah-dadah/	HARAPANDAILY.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/279046/berita/nasional/kerajaan-kaji-undang-undang-hukuman-kesalahan-dadah--azalina	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/local/azalina-bheuu-related-agencies-to-study-drug-abuse-sentencing-DN11494236	THESUNDAILY.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2225804	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	ABUSE CASES AT CHILDCARE CENTRES ON THE INCREASE	
	https://www.thesundaily.my/local/abuse-cases-at-childcare-centres-on-the-increase-EM11489863	THESUNDAILY.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PAKAR IT OKU DERITA KATARAK MATA DIBANTU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279069/edisi/selangor-kl/pakar-it-oku-derita-katarak-mata-dibantu	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	TIGA WANITA MAUT, 11 LAGI CEDERA NAHAS TIGA KENDERAAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279105/berita/semasa/tiga-wanita-maut-11-lagi-cedera-nahas-tiga-kenderaan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1152916/3-wanita-warga-emas-maut-nahas-tiga-kenderaan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/tiga-wanita-warga-emas-maut-dalam-kemalangan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ytWglzaB9Ps	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/14/3-warga-emas-maut-kemalangan-tiga-kenderaan-di-segamat/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	DIPENJARA 12 BULAN TUNJUK KEMALUAN KETIKA PANGGILAN VIDEO	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1009835/dipenjara-12-bulan-tunjuk-kemaluan-ketika-panggilan-video	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1152892/penganggur-kena-jel-setahun-tunjuk-kemaluan-kepada-kenalan-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	WANITA ASING ANTARA TIGA DICEKUP BERSAMA DADAH DI LEBUHRAYA	
	https://malaysiagazette.com/2023/09/14/wanita-asing-antara-tiga-dicekup-bersama-dadah-di-lebuhraya/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WANITA ASING ANTARA TIGA DICEKUP BERSAMA DADAH DI LEBUHRAYA	
	https://malaysiagazette.com/2023/09/14/wanita-asing-antara-tiga-dicekup-bersama-dadah-di-lebuhraya/	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	IMIGRESEN TAHAN LELAKI PAKISTAN DALANG SELUDUP PATI, SASAR WANITA TEMPATAN JADIKAN ISTERI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-tahan-lelaki-pakistan-dalang-seludup-pati-sasar-wanita-tempatan-jadikan-isteri-437401	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WANITA MAUT DIHEMPAP KENDERAAN HILANG KAWALAN	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/09/wanita-maut-dihempap-kenderaan-hilang-kawalan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	15 'GADIS KALUNG BUNGA' DITAHAN DALAM OP GEGAR DI MELAKA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/15-gadis-kalung-bunga-ditahan-dalam-op-gegar-di-melaka-437398	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	UMPAN ANAK MURID BAWA BERMALAM DI HOTEL	
	https://www.hmetro.com.my/uta ma/2023/09/1009839/umpan-anak-murid-bawa-bermalam-di-hotel	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	BUNUH 3 KANAK-KANAK: HUKUMAN MATI TERHADAP LELAKI KEKAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279094/berita/semasa/bunuh-3-kanak-kanak-hukuman-mati-terhadap-lelaki-kekal	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	KANAK-KANAK LELAKI BERUSIA 12 TAHUN DITEMUKAN LEMAS	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kanak-kanak-lelaki-berusia-12-tahun-ditemukan-lemas/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	CERITA RAKYAT SARAT MESEJ, HIBURAN KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/09/1152668/cerita-rakyat-sarat-mesej-hiburan-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	OPERASI MEDEVAC: BOMBA TERBANGKAN BAYI ORANG ASLI KE HOSPITAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/278916/edisi/kelantan/operasi-medevac-bomba-terbangkan-bayi-orang-asli-ke-hospital	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	HAPUSKAN ANASIR BULI DI SEKOLAH DENGAN SEGERA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/278905/suara-sinar/analisis-sinar/hapuskan-anasir-buli-di-sekolah-dengan-segera	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

15/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
26	WARGA EMAS MENGAKU BERSALAH CABUL ANAK KANDUNG	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-mengaku-bersalah-cabul-anak-kandung-437339	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/14/warga-emas-mengaku-salah-cabul-anak-perempuan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/warga-emas-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-kandung-NN11491268	THESUNDAILY.MY
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2225613	BERNAMA.COM
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/70987-warga-emas-mengaku-salah-cabul-anak-kandung	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=yCkQqTclGJo	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=hwMJ1_3mIzE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
27	GURU DIDAKWA BUAT GANGGUAN SEKSUAL PADA MURID	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/guru-didakwa-buat-gangguan-seksual-pada-murid/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/guru-disyaki-buat-gangguan-seksual-ke-atas-murid/	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : SINDIKET SELUDUP WARGA PAKISTAN 'CARI ISTERI' TUMPAS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sindiket seludup warga Pakistan 'cari isteri' tumpas

PATI dikenakan bayaran RM7,000 sebelum dibawa masuk melalui sempadan Malaysia-Thailand

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Lelaki Pakistan yang menyasarkan wanita tempatan untuk dijadikan isteri, ditahan selepas dipercayai menjadi dalang utama sindiket penyeludupan manusia yang masuk menerusi sempadan negara di Kelantan.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh, berkata suspek ditahan bersama tujuh lagi

rakan seegaranya dalam serbuan Ops Gelombang IV di beberapa lokasi sekitar Kelantan, Isnin lalu.

Sindiket berkenaan dipercayai aktif membawa masuk warga Pakistan ke negara ini sejak Mei 2022 untuk bekerja secara haram dan menyasarkan wanita warga tempatan sebagai isteri.

"Modus operandi sindiket ini adalah dengan menyeludup pendatang asing tanpa izin (PATI) dari Pakistan yang menaiki pesawat dan mendarat di Thailand.

"Kemudian mereka akan dibawa melalui pangkalan haram melintasi sempadan Malaysia-Thailand dan mengenakan bayaran antara RM6,000 hingga RM7,000 bagi seorang," katanya dalam kenyataan semalam.

Ruslin berkata, berdasarkan



Ruslin Jusoh

maklumat risikan dua pasukan digerakkan ke dua lokasi bagi memintas kenderaan dinaiki suspek dan PATI yang dipercayai baru diseludup.

"Pasukan operasi memintas kenderaan yang dinaiki sindiket ini di Pasir Mas, Kelantan dan menahan tiga lelaki Pakistan yang terdiri daripada transporter dan PATI yang diseludup masuk.

"Pasukan kedua pula menahan lima lelaki Pakistan termasuk dalam serbuan di sebuah kediaman di Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan disyaki dijadikan sebagai transit," katanya.

RM2,000, pasport dirampas

Ruslin berkata, pihaknya merampas wang tunai RM2,000, pasport Pakistan tidak mempunyai cap masuk (lapan) dan sebuah



Suspek dalam sindiket penyeludupan manusia di tahan dalam serbuan Ops Gelombang IV di sekitar Kelantan. (Foto ihsan Jabatan Imigresen)

kenderaan pelbagai guna (MPV) serta sedan disyaki digunakan untuk menyeludup.

Beliau berkata, semua PATI yang diseludup akan dihantar ke beberapa destinasi tertentu antaranya sekitar Lembah Klang, Melaka, Pulau Pinang dan Johor Bahru dipercayai untuk bekerja.

"Dalang utama sindiket ini adalah pemegang Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang Suami Ke-

pada Warganegara, manakala transporter itu adalah pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah laku.

"Dalang dan transporter terbabit ditahan mengikut Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007, manakala enam PATI ditahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport 1966," katanya.



TAJUK : 'HAPPY BIRTHDAY KE-24 KAK NGAH'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 03

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Happy birthday ke-24 Kak Ngah'

Bapa Nurin Jazlin muat naik ucapan pilu di media sosial tetap harap pembunuh anaknya dijejaki

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

"Memang itu (ucapan ulang tahun kelahiran Nurin Jazlin) rutin saya setiap tahun, mana mungkin saya lupa tarikh 11 September Kak Ngah dilahirkan.

"Kalau Kak Ngah ada, tentu sekarang dia membesar menjadi anak gadis saya berumur 24 tahun," kata Jazimin Abdul Jalil.

Jazimin kembali mencuri tumpuan selepas memuat naik ucapan menyentuh hati bersama sekeping gambar Nurin Jazlin sempena ulang tahun kelahirannya ke-24 di TikTok dan Facebook, Isnin lalu.

"Happy birthday Kak Ngah yang ke-24 tahun. Dipinjam pada 11 September 1999 dipulangkan kembali pada 17 September 2007.

"Selamat ulang tahun. Al-Fatihah," tulisnya.

Jazimin, 49, ketika dihubungi Harian Metro berkata, ucapan berkenaan sebagai tanda ingatan seorang bapa yang merindukan anaknya.

Nurin Jazlin atau mesra disapa keluarganya Kak Ngah disahkan meninggal dunia dalam pembunuhan kejam pada 2007.

"Memang saya terlalu

"Dipinjam pada 11 September 1999 dipulangkan kembali pada 17 September 2007"



NURIN Jazlin dilaporkan hilang pada 20 Ogos 2007.

rindukan Kak Ngah, bukan saya tidak reda ketentuan Allah SWT tetapi sebagai manusia biasa, hati saya tidak tenang selagi pelakunya tidak dibawa ke muka pengadilan.

"Saya memuat naik ucapan ini bukan meminta simpati, tetapi itu sebagai

tanda ingatan dan luahan naluri seorang bapa yang merindui dan masih tertunggu-tunggu keadilan untuk kematian anaknya," katanya.

Menurutnya, dia menghargai setiap maklum balas rakyat Malaysia yang bukan saja mendoakan ke-

sejahteraan arwah anaknya, malah memberi sokongan terhadapnya yang mahukan pembelaan.

"Saya hargai dan berterima kasih atas setiap doa dan ucapan baik-baik oleh rakyat Malaysia, malah saya terharu kerana mereka juga mahu pelaku di bawa ke muka keadilan.

"Jujurnya sehingga ke saat ini, saya bapanya lebih lagi mengharapkan pihak berkuasa dapat menjejaki pelaku pembunuhan kejam arwah anak saya itu.

"Sekarang umur saya nak masuk 50 tahun, saya pun tidak tahu sampai bila akan hidup lagi tetapi selagi ada hayat, saya mahu keadilan ditegakkan dan melihat sendiri manusia mana tergamak bunuh anak saya dengan begitu kejam sekali," katanya.

Jazimin berkata, dia memohon Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim campur tangan dalam menyelesaikan kes pembunuhan anaknya berikutan pelakunya belum dapat dijejaki.

"Jika ada peluang saya sendiri mahu jumpa Perdana Menteri supaya kes anak saya dapat diselesaikan dan pelakunya dapat dikesan segera.

"Selagi tidak tahu siapa pembunuhnya, selagi itu saya tidak puas hati dan tenang kerana cara kematiannya

tidak dapat diterima akal dan jika ini berlaku kepada orang lain, saya yakin keluarga mangsa juga dapat merasai apa yang saya alami sampai sekarang," katanya.

Nurin Jazlin dilaporkan hilang ketika keluar ke pasar malam berhampiran rumahnya di Seksyen 1, Wangsa Maju di sini, pada jam 8 malam, 20 Ogos 2007.



NURIN (kiri) bersama adik beradiknya.



TAJUK : 'SAYA SETUJU DIMADU'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 27

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Ridzuan
Abdul Rahman
mohamadridzuan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekas isteri penyanyi dan pelakon, Datuk ND Lala iaitu Fauziah Sarman menafikan dia tidak bersetuju untuk berpoligami seperti didakwa bekas suaminya itu dalam hantaran video di Instagram, baru-baru ini.

Fauziah, 55, berkata, dia sebenarnya bersetuju untuk berpoligami, tetapi ia tidak disampaikan terus kepada ND Lala sebaliknya disampaikan kepada rakan baiknya iaitu pelakon, Zaidi Omar dan penyanyi, Roslan Madun.

"Saya cakap saya dah reda sebab dah macam-macam cara saya buat untuk berjumpa dengannya, tetapi semuanya memang tak dilayan menerusi WhatsApp dan mesej pesanan ringkas.

"Saya dah sedar. Mungkin ini takdir saya dan sudah menerima untuk poligami. Mereka menangis dengar kata-kata saya, tapi di pihak abang ND tak boleh terima," katanya dalam pertemuan eksklusif dengan Harian Metro.

Menurutnya, dia syangkan keluarganya dan mencuba pelbagai cara untuk pulihkan keadaan dengan ND Lala malangnya ia seperti bertepuk sebelah tangan.

"Saya hanya letakkan syarat tak nak ambil tahu langsung mengenai wanita itu (Siti Munirah). Tapi ia hanya berlaku di sebelah pihak saya tanpa ada respon daripada abang ND.

"Sampai tahap saya dah penat berjuang seorang diri dan buat keputusan un-

'Saya setuju dimadu'

Fauziah nafi dakwaan bekas suami tak setuju berpoligami



FAUZIAH

tuk berhenti berharap. Sebab bila dia tolak, saya lihat dia tak nak poligami.

"Dia memang makin menjauh dari saya dan saya rasa cukup-cukuplah. Dia pun dah tinggalkan saya setahun lebih dan duit nafkah pun tak beri," katanya.

Fauziah berkata, permintaan ND Lala terhadapnya juga agak pelik iaitu memintanya ke pejabat agama untuk sesi kaunseling.

"Kawan-kawannya kata kenapa sampai begitu sekali sedangkan isteri kamu (ketika itu) sedia nak bermadu. Mereka nasihatkan dia supaya selesaikan dengan baik dan dia balik rumah macam biasa.

"Abang ND kata tak boleh. Saya disuruh pergi kaunseling dan bila orang kaunseling dah 'study' kes, mereka akan panggil dia pula. Selepas itu kami akan ditemukan.

"Mereka tanya lagi selepas itu apa? Dijawabnya jika ada jodoh adalah dan kalau tiada, tiadalah. Boleh

pula macam itu. Jadi ceritanya kata saya tak nak poligami memang tak betul," katanya.

Menurutnya, rakan-rakan artis seperti Datin Suliza Salam juga memberi pendapat dalam perkara ini.

"Dia kata saya jenis yang setia dan tak boleh hidup tanpa abang ND. Jadi dia nasihatkan saya supaya terima saja bermadu walaupun benda itu pahit. Abaikan saja wanita itu kerana yang penting ND balik rumah dan layan saya macam biasa.

"Ramai lagi yang nasihatkan saya dan itu yang buat saya terbuka hati untuk bermadu. Saya pun ada cakap dengan seorang ustaz dan dia terkejut dengan tindakan saya.

"Saya kata padanya, saya tak nak kehilangan abang ND kerana dah lebih setahun dia tak balik. Saya dah sampai peringkat dah rindu dia dan dapat dengar

suara pun jadilah," katanya.

Fauziah berkata, dia kini sudah tabah dan pulih sekitar 90 peratus untuk berdepan kenyataan. Hanya dia terkilan dengan sikap ND yang langsung tidak mahu bertemu dan bercakap dengannya serta anak-anak.

"Saya reda apa yang berlaku terhadap saya. Allah uji saya banyak manalah sangat kalau dibandingkan dengan orang lain.

"Saya bersetuju wanita itu dianggap 'penyondol' dalam rumah tangga saya. Bagi saya sesuai ayat itu digunakan. Tapi saya tak salahkan dia seorang kerana kalau bertepuk sebelah tangan takkan berbunyi. Dua-dua sama perangnya.

"Saya nak ucapkan terima kasih yang tak terhingga pada pengikut-pengikut di Instagram, Facebook dan TikTok yang tak putus-putus bagi kata-kata semangat pada saya selama ini," katanya.

Pada 5 September lalu, Fauziah memaklumkan kes cerai mereka selesai secara baik.

"Mungkin ini takdir saya dan sudah menerima untuk poligami"
Fauziah



TAJUK : ANAK SAUDARA JADI MANGSA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang penolong pegawai perubatan Hospital Sultanah Aminah (HSA) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudaranya yang berusia 14 tahun, April lalu.

Bagaimanapun, tertuduh yang berusia 31 tahun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Berdasarkan dua kertas pertuduhan itu, lelaki terbabit didakwa melakukan amang seksual fizikal di kediaman keluarga tertuduh pada jam 1.20 pagi, 20 April lalu.

Bagi dua perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(b) dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Farah Wahida Shuhudin tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh memandangkan perbuatan itu di bawah kesalahan yang tidak boleh dijamin.

Namun, beliau mencadangkan jumlah jaminan sebanyak RM40,000 bagi kedua-dua pertuduhan serta tiga syarat tambahan, sekiranya mahkamah ingin membenarkan jaminan.

Peguam Abd Rahim Ali yang mewakili tertuduh kemudian memohon tertuduh dibenarkan ikat jamin dengan jumlah yang rendah memandangkan anak guamnya itu adalah

Anak saudara jadi mangsa

Penolong pegawai perubatan HSA nafi dua tuduhan melakukan amang seksual fizikal

pencari nafkah tunggal dalam keluarga.

"Tertuduh mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan tiga anak kecil berusia antara lima bulan hingga enam tahun.

"Dia juga tidak mempunyai sebarang risiko melarikan diri kerana masih bertugas sebagai seorang penjawat awam," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000

bagi kedua-dua pertuduhan berserta syarat tambahan dilarang mengganggu saksi dan mangsa, perlu melapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali dan menyerahkan pasport antarabangsa sekiranya ada.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 22 November depan.





TAJUK : DUA MESIN 'SAHABAT' QILA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dua mesin 'sahabat' Qila

Budak 9 tahun hidap masalah usus kronik terpaksa ambil nutrisi dari mesin

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kemaman

Nurul Aqila Maisara Hasma-
di dilahirkan dengan ma-
salah usus kronik, usus
tiada saraf serapan nutrisi dan zat
makanan selain usus pendek sejak
lahir menyebabkan kanak-kanak
sembilan tahun ini bergantung

hidup dengan zat yang diserap
melalui mesin *Total Parenteral
Nutrition* (TPN).

Malah, dia terpaksa memakai
beg stoma di perut sepanjang hari
namun Nurul Aqila Maisara atau
mesra disapa Qila tetap tabah
menjalani kehidupan biarpun tidak
seperti kanak-kanak lain.

Ibunya, Nor Hafizah Zainuddin,
38, berkata, usus Nurul Aqila Mai-
sara yang juga anak bongsu da-
ripada dua beradik itu tidak ber-
fungsi dengan baik sejak dilahir-
kan dan sudah tiga kali menjalani
pembedahan usus.

Menurutnya, selepas empat ha-
ri dilahirkan di Hospital Termer-
loh, Pahang mereka 'tinggal' di
Pusat Perubatan Universiti Ma-
laya (PPUM) selama dua tahun
sembilan bulan sebelum diben-
arkan pulang ke rumah.

"Qila boleh makan cuma
makanannya banyak yang tidak
hadam, tidak dapat di-
serap dan diproses
dalam usus ja-
di mesin

**"Buat masa ini kami tak mampu beli mesin itu
yang berharga RM13,776. Pendapatan saya dan
suami yang bekerja kontrak pembinaan tidak
seberapa jadi sukar untuk kami beli"**

itu untuk menyalurkan nutrisi
makanan kepada badan Qila meng-
ikuti dos dicadangkan doktor
berdasarkan usianya yang disa-
lurkan ke saluran darah dan terus
ke jantungnya.

"Selain TPN, Qila guna mesin
untuk lipid (lemak) untuk nutrisi
badannya. Dua mesin digunakan
12 jam setiap hari bermula 6 pe-
tang hingga 6 pagi esoknya. Jadi
aktiviti Qila terhad di siang hari
saja," katanya yang menetap di
Kemasik, di sini.

Peniaga makanan kecil-kecilan
di rumah itu berkata, pada awal-
nya anaknya malu berhadapan
rakan sekolah kerana perlu me-
makai beg stoma untuk buang na-
jis ke mana saja namun kini sudah
dapat menerima keadaannya.

Katanya, lebih mengembira-
kan apabila guru dan rakan se-
kolah memberi sokongan dan tidak
meminggirkan Nurul Aqila
Maisara.

Nor Hafizah berkata, anak su-
lungnya Mohamad Hadif, 10, juga
diuji penyakit injap jantung
sempit sejak lahir dan ke-
dua-dua anaknya memerlukan
rawatan susulan masing-masing
di Institut Jantung Negara
(IJN) dan PPUM selain Hospital
Kemaman setiap tiga bulan se-
kali.

Katanya, apabila ke PPUM me-
reka menginap di hotel untuk me-
mudahkan anaknya mengambil
nutrisi daripada mesin yang perlu
dibawa bersama kerana pemerik-
saan susulan anaknya tidak perlu
ditahan di wad.

"Saya bercadang mahu mem-
beli mesin *Mini Rythmic PN* itu,
sekali gus Qila tidak perlu ulang
aluk ke hospital dan menjimatkan
perbelanjaan.

"Tetapi buat masa ini kami tak
mampu beli mesin itu yang ber-
harga RM13,776. Pendapatan saya
dan suami yang bekerja kontrak
pembinaan tidak seberapa jadi su-
kar untuk kami beli.

"Perbelanjaan perubatan Qila
mencecah RM1,500 sebulan dan
meningkat apabila dia tidak sihat
dan kerap buang najis untuk tukar
beg stoma selain peralatan lain
yang dibeli sendiri. TPN, lipid dan
beberapa peralatan lain serta ubat
dibekalkan secara percuma oleh
kerajaan," katanya.

Katanya, anaknya menerima
bantuan Jabatan Kebajikan Ma-
syarakat RM400 sebulan dan Ma-
jlis Agama Islam dan Adat Melayu
Terengganu (Maidam) RM450.

Bagi yang ingin membantu bo-
leh menghubungi Nor Hafizah di
talian 013-5385544 atau melalui
akaun Maybank bemombor
151146521900 atas nama
Nor Hafizah Zainuddin.





TAJUK : IBU BUDAK HIDAP BARAH LEUKEMIA SEDIH ANAK TERPAKSA DIBOTAKKAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 27

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN Marissa selepas berjaya dipujuk bapanya untuk dibotakkan.

Ibu budak hidap barah leukemia sedih anak terpaksa dibotakkan

Johor Bahru: "Botak comel kan daddy?" Itu soalan diajukan Alexandria Marissa Abdul Malik atau mesra disapa Marissa ketika dipujuk bapanya untuk membotakkan kepala selepas disyorkan doktor.

Saranan itu susulan keadaan Marissa, 3, yang perlu menjalani rawatan di hospital selepas disahkan menghidap barah leukemia, 15 Jun lalu.

Ibunya, Nor Shakila Mohd Shoki, 31, yang bekerja sebagai pegawai teknologi maklumat berkata, berat untuknya membenarkan rambut anak tunggalnya itu dicukur, bagaimana-

pun dia terpaksa dan cuba memujuk anaknya dengan bantuan suami, Abdul Malik Yahya, 32.

Kisah Marissa mendapat perhatian selepas Norshakila memuat naik video sebelum dan selepas rambut anaknya dicukur di TikTok.

"Saya sudah pujuk Marissa untuk botakkan kepala namun dia tak nak. Sebagai ibu, saya faham dan memandangkan Marissa rapat dengan suami jadi minta bantuan suami pujuk dia.

"Kebetulan, pesakit katil depan potong rambut de-

pan dia jadi suami cuba pujuk dengan kata botak comel kemudian baru Marissa setuju.

"Tengok rambutnya gugur pun saya sedih, inikan pula apabila melihat anak botak tetapi suami sangat memahami kerana turut botakkan kepalanya demi Marissa," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Berkongsi perihal Marissa, Nor Shakila berkata, anaknya dulu seorang kanak-kanak yang aktif, periang dan petah bercakap.

Bagaimanapun, karakter anaknya berubah selepas jatuh sakit dan de-

mam serta disahkan menghidap barah.

"Pertengahan Jun, Marissa demam dan selang seminggu, sakitnya itu berulang.

"Pelik juga kerana Marissa bukan kanak-kanak yang mudah demam dan keadaannya membuatkan saya terdetik untuk bawa ke hospital bagi menjalani pemeriksaan kesihatan lengkap.

"Hasilnya, doktor dapati ada 74 peratus sel barah dalam badan Marissa dan waktu itu, dunia saya berasa gelap hingga terfikir apa dosa saya sampai anak jadi begitu," katanya.

Nor Shakila berkata, sokongan keluarga memberi kekuatan untuk berdamai dengan takdir dan bangkit.



TAJUK : MAK MAUT SESAK NAFAS HIDU ASAP

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Johor Bahru

Seorang wanita maut sesak nafas manakala tiga anaknya terselamat susulan kebakaran membabitkan tiga rumah kedai di Jalan Senyum, Kampung Wadi Hana di sini.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Faiz Suleiman berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 4.53 pagi kelmarin.

Beliau berkata, seramai 49 anggota dari BBP Larkin, BBP Tebrau, BBP Johor Jaya dan BBP Kempas dibantu lapan jentera bergegas ke lokasi.

"Kebakaran membabitkan tiga bangunan rumah kedai dua tingkat. Bangunan pertama memiliki kedai dan lima unit bilik sewa yang terbakar kira-kira 70 peratus.

"Bangunan kedua memiliki kedai dan lima unit bilik sewa yang terbakar kira-kira 90 peratus. Manakala bangunan ketiga mengandungi sebuah kedai dan tiga unit bilik sewa terbakar 65 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, terdapat keluarga membabitkan empat mangsa yang terperangkap di sebuah bilik sewa yang berjaya diselamatkan.

Menurutnya, mangsa membabitkan seorang wanita dewasa berumur 53 tahun dan tiga anaknya iaitu dua lelaki berusia 18 dan 21 tahun serta seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun.

Katanya, semua mangsa dikejarkan ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini untuk mendapatkan rawatan akibat sesak nafas.

"Bagaimanapun wanita



Mak maut sesak nafas hidu asap

Tiga anak terselamat dalam kebakaran membabitkan tiga rumah kedai dua tingkat

49

Bilangan anggota bomba dikejarkan ke lokasi kejadian.

berstatus penduduk tetap itu meninggal dunia ketika mendapat rawatan di HSA. Punca kebakaran dan kerugian masih dalam siasatan dan operasi tamat pada jam 9.25 pagi kelmarin," katanya dalam satu kenyataan.





TAJUK : RAYU PELUANG KEDUA LEPAS MENCABUL ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Rayu peluang kedua lepas mencabul anak

Butterworth: Seorang pemandu e-hailing merayu diberi peluang kedua selepas mengaku bersalah terhadap empat pertuduhan melakukan perbuatan amang seksual terhadap anak perempuan kandunginya, tahun lalu.

Tertuduh berusia 63 tahun yang dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam membuat pengakuan itu ketika kesemua kertas pertuduhan berkenaan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Noor Aini Yusof.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap anak perempuan kandunginya yang ketika itu berusia 13 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Mukim 8 Tanah Liat, Bukit Mertajam dalam daerah Seberang Perai Tengah, antara Mac dan Jun 2022.

Bagi pertuduhan ketiga dan keempat pula, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap remaja sama di lokasi yang sama pada Mei 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(2)(a) akta yang sama.

Seksyen 14 (a) membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat manakala Seksyen 16 (2) akta sama, membawa kepada huku-

man penjara maksimum lima tahun dan sebat tidak kurang dua sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, Wan Amira memohon supaya tiada sebarang jaminan ditawarkan berikutan hubungan tertuduh dengan mangsa.

Bagaimanapun, tertuduh yang diberi peluang oleh hakim untuk berkata sesuatu kepada mahkamah merayu supaya dia dapat diberikan 'peluang kedua' berikutan insaf dengan kesalahan dilakukannya.

Hakim kemudian menetapkan tiada sebarang jaminan ditawarkan terhadap tertuduh atas alasan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

Kes akan disebut semula pada 27 September ini untuk fakta kes dan jatuh hukum terhadap tertuduh.

» INFO

Tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap anak perempuan kandunginya yang ketika itu berusia 13 tahun.

Kes akan disebut semula pada 27 September ini untuk fakta kes dan jatuh hukum terhadap tertuduh.



TAJUK : MAN, 63, ADMITS TO MOLESTING DAUGHTER

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man, 63, admits to molesting daughter

BUTTERWORTH: An e-hailing driver pleaded guilty to four counts of committing sexual offences against his 13-year-old daughter last year.

The 63-year-old admitted to the offences, which included groping her breast and touching her private parts, when the charges were read to him by the court interpreter before Sessions Court Judge Noor Aini Yusof.

All the offences were committed at their house in Tanah Liat, Bukit Mertajam, between March and June last year.

The offences were framed under Section 14(a) of Sexual Offences Against Children Act 2017, read together under Section 16(2)(a) of the same Act.

The offence under Section 14(a) carries a jail term of up to 20 years and whipping upon conviction.

Section 16(2)(a) provides for a jail term of up to five years and minimum two strokes of the rotan upon conviction.

Deputy public prosecutor Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak said there should be no bail for the accused.

The accused, who was unrepresented, said he had no one to bail him out.

Noor Aini then fixed Sept 27 for facts and sentencing.



TAJUK :	FUNDRAISER FOR YOUNG ALYSTER HITS RM195,000 TARGET IN JUST TWO DAYS		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	15 SEP 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Fundraiser for young Alyster hits RM195,000 target in just two days

Lim How Pim

KUCHING: The fundraiser initiated for Alyster Liew Tian Hao, who is suffering from an eye ailment, has been a success after achieving its target of RM195,000 within 48 hours.

A statement from the Community Care Enrichment Programme (CCEP) Foundation yesterday said in view of this, the fundraising campaign has been closed.

CCEP Foundation, which is responsible for organising the campaign for Alyster, along with his family, expressed heartfelt gratitude to kindhearted individuals from all walks of life for their contributions.

A talented student from Siburan, Alyster is about to turn 13 and has achieved excellent academic results.

In March this year, he was selected to attend a government vocational school and enrolled in the music programme. However, after only three weeks of classes, his vision suddenly deteriorated in April. He was subsequently diagnosed with Leber's Hereditary Optic Neuropathy and was unable to continue his education.

He has been on medical leave from school for the past five months, seeking treatment for his condition.

"When afflicted with this condition, the eyesight gradually deteriorates, so prompt medical treatment is essential; otherwise, it may eventually lead to blindness in both eyes

"The only way to treat this

disease is through cell therapy for the eyes, which offers a chance of vision restoration. However, due to the high cost of this medical procedure, approximately RM195,000, it is a financial burden beyond the means of the family," said CCEP Foundation.

Consequently, the family sought assistance from the CCEP Foundation to initiate and manage the collection of donations.

With the successful fundraising for Alyster's medical expenses, Shah Alam Hospital is currently arranging a time for him to undergo treatment.

At that time, he will receive cell therapy at the hospital and stem cell research center. Experts and doctors recommend three treatment sessions, with each session spaced one month apart, spanning a total of three months.

Meanwhile, Alyster's father Liew Sing Tau expressed his gratitude to the Foundation and CCEP Kuching deputy chief executive officer Chang Chee Hong for their assistance in organising the fundraiser.

"Grateful for everyone's tremendous help, and thankful for the kindhearted donations.

"My family and I sincerely thank each and every one of you, and our appreciation knows no bounds. Your actions have shown us that there is still love in this world," he said, adding that as a devout Christian, he also wishes God's blessings upon everyone.

Liew, 40, works as a construction site supervisor,

while his wife Nelida Jawa, 38, works as an assistant teacher in a local Chinese kindergarten in Siburan.

They have three children, Alyster the eldest and two daughters aged nine and two years old.

Meanwhile, CCEP Foundation Group chief executive officer Yee Poo Yoon expressed her astonishment that the sum for Alyster's medical expenses was raised in just two days.

It made her realise that there are indeed many compassionate individuals in East Malaysia, and she expressed gratitude to the donors for their trust in CCEP.

"More importantly, Alyster will receive treatment in the near future because CCEP has already established direct contact with the supplier responsible for providing stem cells.

"This supplier has also been in touch with the ophthalmologists at the Shah Alam Hospital, and the hospital will arrange the treatment schedule for Alyster Liew Tian Hao," Yee said.

The CCEP Foundation is a credible and highly transparent charitable organisation.

Also taking place yesterday was the symbolic handing over of a contribution of RM13,700 to Alyster by Phang Kuet Liong, the welfare person-in-charge of the Federation of Kuching, Samarahan, and Serian Divisions Chinese Associations Sarawak, for the teen's medical expenses.

The contribution was deposited into CCEP's account, which is responsible for collecting donations.



TAJUK : PERANAKAN CHINESE IN TERENGGANU KEEPING TRADITIONS ALIVE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 15 SEP 2023

M/SURAT : 05

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Peranakan Chinese in Terengganu keeping traditions alive

KUALA TERENGGANU: The Peranakan Chinese community is usually synonymous with the titles Baba and Nyonya, but in Terengganu, they are better known as Cheng Mua Lang, which means the 'sarong-wearing community'.

Terengganu Chinese Peranakan Association deputy president Yap Chuah Bin said the Peranakans can be found in Terengganu, Kelantan, Penang and Melaka and in each state, their identity is slightly different although they tend to adopt a large part of the Malay culture.

"The practice of Cheng Mua Lang in Terengganu is the same as the Malays. For example, in terms of clothing, women usually wear kebaya and batik sarongs, while men wear pelikat sarongs. That is why they are called the sarong-wearing community," he told Bernama.

Sharing the history of the Peranakan Chinese in the state, Yap said that, according to records, the migration of people from Fujian, China to Terengganu began during the Ming Dynasty

in the 16th century.

However, some arrived earlier, around the 12th or the 14th centuries, in small, unrecorded numbers.

Interestingly, those who migrated to Terengganu came with their families to earn a living and did not practice intermarriage with the locals.

"There is no intermarriage with local women like the Baba Nyonya community who arrived earlier in Melaka. Our families often arrange our marriage and we tend to marry cousins or relatives on the mother's side," said Yap.

Because of this, the lineage of the Terengganu Peranakan Chinese remains unbroken, with some spanning nearly 10 generations, compared to those in Melaka, where many have married local people.

He said that despite practising the lifestyle of the Malay community and communicating largely using the Terengganu Malay dialect, the Peranakan Chinese here still maintain the religious belief of the ancestors,



Yap is pictured with his wife Song Eng Huat. — Bernama photo

which is Taoism.

"We are very comfortable communicating in Malay. It's not that we don't know how to speak

Chinese, but it's easier to converse in the Terengganu Malay dialect. When we want to speak Chinese, it takes a bit longer as we need to

think about how to say it," he said jokingly.

Similarities can also be seen in the community's food preparation, as most of their daily dishes are the same as those of the local Malay community, such as ikan singgang, kuih muih, bubur lambuk, ketupat sotong and keropok lekor.

"We also serve nasi kunyit as a tradition to celebrate the 40th day after birth," said Yap, who mentioned that they also eat with their hands and not chopsticks, and enjoy dikir or traditional Malay dance for entertainment.

Meanwhile, he noted that the rapid socio-economic development that has led to population migration from their home state to more developed areas has significantly impacted the Cheng Mua Lang community, which caused their population to decline.

According to Yap, the original descendants of the community in Terengganu are getting smaller in number, and there are now about 1,000 people remaining throughout the state.

In an effort to preserve the tradition and culture of the Cheng Mua Lang in Terengganu, Yap said the association is actively participating in various conventions and seminars, including those abroad.

"We are one of the 14 active Peranakan Chinese associations in Southeast Asia. Every year, we hold gatherings, including overseas, such as in Thailand and Indonesia, to share information and ideas to preserve the legacy of the Peranakan Chinese.

"Every year, we receive support from various quarters to organise festivals related to the Peranakan Chinese culture, and from Oct 2 to 4, we will be hosting a festival at KTCC Mall. We hope the public can attend to witness our cultural performance and traditions," he said.

He also encouraged students to join their association to gain exposure to the Terengganu Peranakan Chinese and work together to find ways to preserve the culture and tradition of the sarong-wearing community. — Bernama



TAJUK :	MAN ADMITS TO SEXUALLY ASSAULTING DAUGHTER		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	15 SEP 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man admits to sexually assaulting daughter

BUTTERWORTH: A senior citizen pleaded guilty at the Sessions Court here yesterday to four counts of sexual assault against his daughter last year.

The 63-year-old man, an e-hailing driver, made the plea after the charges were read out to him before judge Noor Aini Yusof.

According to the charges, he allegedly committed the offences against his daughter, who was 13 at the time, at a house in Tanah Liat, Bukit Mertajam near here between March and June 2022.

He was charged under Section 14 (a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, punishable by imprisonment not exceeding 20 years and whipping, upon conviction.

Deputy public prosecutor Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak did not offer bail taking into account that the accused is the victim's father and lived in the same house.

"If bail is allowed, there is a possibility that the accused will trouble the victim," she said.

The judge did not offer bail to the unrepresented accused and set Sept 27 for sentencing.

— Bernama



TAJUK :	VIDEOCALL FLASHER GETS A YEAR'S JAIL		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	15 SEP 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Videocall flasher gets a year's jail

KOTA KINABALU: A man who flashed his genitals at a woman through a video call was jailed for one year after pleading guilty at the Tawau Magistrate's Court. Magistrate Don Stiwin Malanjun handed the sentence to 35-year-old Raziman Ibrahim yesterday after he was charged under Section 509 of the Penal Code for

outraging of modesty. According to the facts of the case, the accused had committed the act at a house in Kampung Tanjung Batu Keramat at about 3pm on Aug 19. The accused had shown his private parts to the 38-year-old woman through a video call with the intent to commit a lewd act.

The offence is punishable with a maximum five years in jail, or fine or both, upon conviction. The court ordered for the accused to serve his jail sentence from the date of his arrest. Prosecuting officer Asst Supt Nur Intan Jamrin prosecuted while the accused was not represented.



TAJUK :	EMERGING WOMEN LEADERS IN SONG-SONG VILLAGE		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	15 SEP 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Emerging women leaders in Song-Song Village

THE village of Song-Song is situated within the Kota Belud constituency and is trapped in generational poverty. This is due to its remote location, poorly maintained roads and a lack of essential infrastructure, all of which contribute to the underdevelopment of Song-Song Village.

Song-Song Village is home to 460 residents, and the primary source of income for the community is derived from fishing and farming activities. However, some breadwinners have migrated to cities and nearby towns in search of better employment opportunities to support their families, leaving the women to care for the children.

Many of these women are dependent solely on their husbands' income, which poses a long-term financial risk, as they lack essential financial safety nets, such as savings or emergency funds.

In general, women living in rural areas tend to have a lower rate of workforce participation compared with their urban counterparts, and this situation is reflected in Song-Song Village.

Some of the obstacles that prevent women in rural areas from achieving economic independence include limited access to education and the traditional belief that men should be the providers for their families.

Additionally, the women in Song-Song Village face a scarcity of opportunities for self-improvement as a majority of the capacity-building programmes are often conducted in larger towns, such as

Kota Belud, Kota Marudu and Kota Kinabalu.

The All-Party Parliamentary Group for Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) conducted a dialogue session with the community at Song-Song Village.

During this dialogue session, the women indicated their interest in acquiring new skills to generate additional income and promote personal growth beyond their roles of managing the home.

Furthermore, they expressed a need for a physical gathering space where they could congregare and come together as a community.

Recognising the untapped potential in these women, Reef Check Malaysia, a local non-governmental organisation with ongoing projects in Kota Belud, was selected and tasked with forming a working committee to provide training for the women at Song-Song Village.

In addition, a Community Learning Centre was constructed, serving as the central location where these women could gather for training sessions and meetings.

Emerging women leaders

A majority of the women and girls in Song-Song Village had not completed their schooling because their families had limited financial resources. One way to empower them was to equip them with skills they can use to initiate their own or community-based businesses.

The first step involved the establishment of the Song-Song Village Women's Organisation in

"By equipping these women with essential skills, including leadership capabilities, and promoting a supportive community environment, we can tap into their untapped potential, create additional income sources and establish local role models. This is about promoting resilience, self-sufficiency and promising futures. When we uplift women, we uplift entire communities."

Kota Belud (Pertubuhan Wanita Kampung Song-Song, Kota Belud) or "Wanis". This organisation served as a collaborative platform to facilitate discussions and enhance cooperation and unity among the women in the village.

To lay a strong foundation, it was necessary to identify and train leaders. A group of 10 women was chosen to form the committee, and they underwent six leadership courses to equip them for guiding future initiatives and programmes tailored for the village's women.

With this objective in mind, three different workshops were organised to enhance their skills.

The initial workshop focused on crafting various items from *Serdang* leaves, a palm variety readily available in Song-Song Village, and drew the participation of 20 women.

The six-day workshop was led by one of the "Wanis" committee members, Jailan Preeh. This experience allowed her to develop expertise in training the local community. The handicrafts crafted from *Serdang* leaves introduced a new avenue of income for the community.

Furthermore, empowering these women also meant providing women role models to the younger generation in Song-Song Village as many of their children faced educational setbacks due to the long distances they had to travel to attend school.

While the women who participated in online workshops encountered challenges due to limited internet access, their

collective efforts within Song-Song Village held the promise of a brighter future for the children and the entire community.

Addressing the existing infrastructural challenges may necessitate the involvement of local authorities and cannot be resolved overnight. However, the initiatives undertaken in Song-Song Village mark the beginning of a larger endeavour and calls for the collective efforts of various stakeholders.

Empowering women in remote regions, such as Song-Song Village, represents a proactive approach to localising Sustainable Development Goals.

By equipping these women with essential skills, including leadership capabilities, and promoting a supportive community environment, we can tap into their untapped potential, create additional income sources and establish local role models.

This is not just about combating poverty, it is about promoting resilience, self-sufficiency and promising futures. When we uplift women, we uplift entire communities.

This article was contributed by mySDG Academy, the training arm of the All-Party Parliamentary Group on Sustainable Development Goals. Its goal is to increase awareness and disseminate valuable insights about individuals and organisations working towards the promotion of SDGs. Comments: letters@thesundaily.com